

21/02/2003

Deklarasi diharap jadi penentu masa depan

KUALA LUMPUR: Malaysia berharap Deklarasi Kuala Lumpur yang akan dikeluarkan sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di sini, akan membantu memandu arah masa depan pergerakan itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata deklarasi itu akan mengandungi beberapa langkah konkrit yang boleh diambil NAM bagi menjadikannya lebih proaktif, responsif, efektif dan cekap.

"Ini dilakukan dalam konteks usaha untuk terus menyuburkan semula NAM bagi membolehkan dunia yang kita diami ini adil dan aman, bukan tertakluk kepada ancaman perang dan ketidaktentuan.

"Sudah pasti kandungan akhir (deklarasi) akan bergantung kepada hasil sesi perbincangan peringkat menteri (esok)," katanya pada upacara perasmian mesyuarat pegawai kanan (SOM) NAM ke-13 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Deklarasi Durban bagi Alaf Baru yang dikeluarkan selepas Sidang Kemuncak NAM ke-12 di Durban, Afrika Selatan pada 1998, antara lain melahirkan kebimbangan kewujudan semangat perkauman yang semakin ketara, chauvinisme dan xenofobia.

Isnin lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah membayangkan Deklarasi Kuala Lumpur itu nanti akan menyatakan pendirian tegas antiperang.

Syed Hamid berkata, sama ada NAM akan dipinggirkan atau diketepikan, anggotanya sendiri yang menentukannya.

"Dalam analisis akhir, kita yang bertanggungjawab menentukan nasib dan hala tuju pergerakan kita dan kejayaan dan kegagalannya," katanya.

Mengenai Dokumen Akhir yang sedang dibincangkan SOM, beliau berkata setiap usaha perlu dilakukan bagi memastikan dokumen penting itu ringkas, fokus dan menarik untuk dibaca.

"Sebuah dokumen sasaran juga akan mempermudah proses pengawasan dan pelaksanaan sasaran dan keputusan pada sidang kemuncak ini," katanya.

Syed Hamid turut mengingatkan perwakilan bahawa kejayaan pergerakan itu bergantung bukan saja pada retorik atau panjangnya ucapan, tetapi tindakan konkrit dan keupayaan untuk melaksanakan keputusan berkenaan.